

KEWANGAN SEKTOR AWAM

3

LAPORAN EKONOMI
2005/2006

Operasi Fiskal 2005

Dasar fiskal Kerajaan terus memberi penekanan kepada usaha untuk memperkukuh kedudukan kewangannya dan pada masa yang sama memastikan persekitaran makroekonomi yang stabil dan baik bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi terus dimantapkan. Oleh itu, dalam menggubal dasar fiskal, Kerajaan telah memberi perhatian khusus bagi memastikan ia terus memberi sokongan kepada perkembangan aktiviti sektor swasta untuk membolehkan sektor swasta terus memainkan peranannya sebagai penjana utama kepada pertumbuhan. Objektif ini selaras dengan strategi keseluruhan makroekonomi untuk merangsang dan mempercepatkan lagi sumber pertumbuhan domestik.

Komitmen Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan bajetnya terbukti dengan pengurangan ketara defisit bajet daripada 5.6% KDNK pada 2002 kepada 3.8% pada 2005. Kejayaan besar dalam mengurangkan defisit ini telah dicapai melalui peningkatan hasil serta memperbaiki kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan.

Pengurangan defisit telah memberikan fleksibiliti dan pilihan dasar kepada Kerajaan bagi melaksanakan langkah untuk mengurangkan kesan tidak diingini akibat daripada ketidaktentuan sektor luaran dan seterusnya, meminimumkan kesan negatif ke atas

pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Dengan fleksibiliti yang ada, pengurangan defisit tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya, pertumbuhan kekal kukuh sepanjang tempoh tersebut.

Pada 2005, perbelanjaan Kerajaan telah ditumpukan ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing serta terus menyokong penjaan aktiviti ekonomi. Sehubungan ini, perbelanjaan pembangunan meningkat 5.7% dengan penekanan kepada projek kecil yang memberi kesan berganda yang ketara dalam menjana aktiviti ekonomi untuk tempoh terdekat, khususnya dalam bidang pertanian, pembinaan dan infrastruktur di kawasan luar bandar. Perbelanjaan juga terus ditumpukan bagi menyediakan perkhidmatan asas seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan. Pengurusan perbelanjaan juga menitikberatkan penggunaan kemudahan infrastruktur sedia ada secara maksimum dengan tujuan meningkatkan nilai aset sedia ada melalui penggunaan yang lebih produktif dan penyenggaraan yang berkala.

Kerajaan Persekutuan

Pengurangan defisit Kerajaan Persekutuan...

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bertambah kukuh dengan defisit fiskal dijangka terus mencatatkan tren menurun kepada 3.8% KDNK, seperti *Jadual 3.1*.

JADUAL 3.1


Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2004-2006

	RM juta			Perubahan (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Hasil	99,397	105,856	115,561	7.3	6.5	9.2
Perbelanjaan mengurus	91,298	98,244	101,246	21.4	7.6	3.1
Baki semasa	8,099	7,612	14,315	-53.4	-6.0	88.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	28,864	30,511	33,502	-26.7	5.7	9.8
Tolak terimaan balik pinjaman	1,346	4,215	744	29.3	213.2	-82.3
Perbelanjaan pembangunan bersih	27,518	26,296	32,758	-28.2	-4.4	24.6
Baki keseluruhan	-19,419	-18,684	-18,443	-7.2	-3.8	-1.3
% kepada KDNK	-4.3	-3.8	-3.5			

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2006.


CARTA 3.1

Kewangan Kerajaan Persekutuan Akaun Semasa

¹ Anggaran disemak.
² Bajet.

CARTA 3.2

Peratusan Defisit/Lebihan Keseluruhan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar

¹ Anggaran disemak.
² Bajet.

Hasil

Kutipan hasil yang lebih cekap dan tinggi...

Jumlah hasil terus meningkat kukuh sebanyak 6.5% kepada RM105,856 juta melepasi paras RM100 bilion, seperti *Jadual 3.2*. Peningkatan hasil ini disumbangkan sebahagian besarnya oleh cukai tidak langsung, terutamanya duti eksais, cukai jualan dan duti eksport. Hasil bukan cukai, khususnya pendapatan pelaburan, juga menyumbang dengan ketara kepada jumlah hasil yang tinggi.

Cukai langsung dijangka lebih rendah 0.7% kepada RM48,345 juta (2004: 13.2%; RM48,703 juta), disebabkan pengurangan ketara kutipan cukai korporat sebanyak 15.9%, seperti *Jadual 3.2*. Ini berikutan pengiraan semula cukai korporat tahun semasa yang berdasarkan kutipan bersih selepas mengambil kira bayaran balik cukai.

Sebaliknya, Cukai Pendapatan Petroleum (PITA), yang berdasarkan kepada taksiran pendapatan tahun sebelumnya, meningkat dengan ketara sebanyak 28.9% kepada RM14,800 juta, dijangka menyumbang sebanyak 30.6% kepada jumlah keseluruhan cukai langsung. Peningkatan ini adalah selaras dengan prestasi kewangan syarikat minyak yang lebih baik bagi tahun kewangan 2004 kesan daripada kenaikan purata harga minyak mentah sebanyak USD41 berbanding USD30 setong pada 2003. Tambahan pula, cukai pendapatan individu juga dianggarkan bertambah 11.3% kepada RM9,991 juta (2004: 12.4%; RM8,977 juta), berikutan usaha Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) meningkatkan lagi kecekapan kutipan cukai. LHDN juga menambah baik kemudahan dan perkhidmatan kepada pembayar cukai dengan mengadakan kempen kesedaran, menyediakan kaunter di tempat strategik dan memperkenalkan perbankan internet untuk pembayaran cukai.

JADUAL 3.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2004-2006

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Hasil cukai	72,050	75,335	80,425	11.0	4.6	6.8	72.5	71.2	69.6
Cukai langsung	48,703	48,345	52,008	13.2	-0.7	7.6	49.0	45.7	45.0
antaranya:									
Syarikat	24,388	20,505	20,799	1.7	-15.9	1.4	24.5	19.4	18.0
PITA ³	11,479	14,800	17,694	35.6	28.9	19.6	11.5	14.0	15.3
Individu	8,977	9,991	10,557	12.4	11.3	5.7	9.0	9.4	9.1
Cukai tidak langsung	23,347	26,990	28,417	6.7	15.6	5.3	23.5	25.5	24.6
antaranya:									
Duti eksais	6,427	8,369	9,045	27.7	30.2	8.1	6.5	7.9	7.8
Cukai jualan	6,816	7,374	7,103	-14.4	8.2	-3.7	6.9	7.0	6.1
Hasil bukan cukai	27,347	30,521	35,136	-1.3	11.6	15.1	27.5	28.8	30.4
antaranya:									
Lesen/permit	7,106	8,055	8,144	7.1	13.4	1.1	7.1	7.6	7.0
Pendapatan pelaburan	17,778	19,969	24,371	17.0	12.3	22.0	17.9	18.9	21.1
Jumlah	99,397	105,856	115,561	7.3	6.5	9.2	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	22.1	21.7	21.8						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2006.

³ Cukai Pendapatan Petroleum.

Cukai tidak langsung dianggarkan meningkat 15.6% atau RM3,643 juta, mewakili suku bahagian daripada jumlah hasil. Kenaikan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan kutipan duti eksais, cukai jualan dan duti eksport, seperti *Jadual 3.2*. Duti eksais dijangka meningkat ketara sebanyak 30.2% atau RM1,942 juta kepada RM8,369 juta (2004: 27.7%; RM6,427 juta), berpunca terutamanya daripada jualan kenderaan bermotor yang tinggi iaitu meningkat 7% kepada 520,000 unit tahun ini berbanding 487,605 unit pada 2004. Peningkatan struktur duti eksais ke atas rokok dan minuman keras keluaran tempatan dalam Bajet 2005 juga turut menyumbang kepada penambahan kutipan duti eksais. Begitu juga selaras dengan perbelanjaan penggunaan dan sentimen pengguna yang lebih baik, cukai jualan dijangka meningkat 8.2%.


Walaupun terdapat pengurangan tarif import, langkah liberalisasi perdagangan dan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), kutipan duti import dianggarkan kekal pada paras yang sama iaitu RM3,881 juta (2004: RM3,874 juta), berikutan import yang lebih tinggi. Sebaliknya, kutipan duti eksport dijangka berkembang 31.5% kepada RM2,104 juta, terutamanya hasil kutipan duti eksport produk petroleum, minyak kelapa sawit dan getah yang lebih baik berpunca daripada harga komoditi yang lebih tinggi.

Hasil bukan cukai dijangka berjumlah RM30,521 juta, seperti *Jadual 3.2*, dengan dua pertiga daripadanya merupakan terimaan pendapatan pelaburan yang meningkat 12.3% dan menyumbang RM19,969 juta (2004: 17%; RM17,778 juta). Berikutan harga minyak yang tinggi, bayaran dividen yang lebih besar daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan pelaburan pada tahun ini. Terimaan daripada lesen, bayaran pendaftaran dan permit yang merupakan komponen kedua terbesar hasil bukan cukai menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 13.4% kepada RM8,055 juta. Hampir 75% atau RM6,016 juta adalah diperolehi daripada pendapatan lesen kenderaan bermotor dan royalti petroleum yang masing-masing dijangka meningkat 21.4% dan 31.9%.

Kutipan hasil yang lebih baik juga didorong oleh pelbagai langkah yang dilaksanakan untuk

CARTA 3.3

Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



memperbaiki keanjalan serta kecekapan kutipan hasil. Ini termasuk langkah memperketatkan penguatkuasaan, pemeriksaan dan audit cukai serta usaha anti penyeludupan yang lebih giat. Melalui kesemua usaha ini, terutamanya oleh LHDN, lebih 800,000 fail cukai baru telah dibuka dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Bagi meningkatkan lagi asas cukai dan pentadbiran cukai, usaha memperluaskan sumber hasil baru serta memperkemas dan mempermudah insentif cukai sedang dilaksanakan.

Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan berhemat menekankan kecekapan dan keberkesanan kos...

Salah satu langkah bagi mengawal perbelanjaan adalah dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan untuk mengurangkan

pembaziran serta memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada. Melalui peruntukan dan proses pemantauan yang lebih ketat, Kerajaan telah menyemak semula program dan projek mengikut keutamaan bagi memastikan projek yang memberi lebih manfaat dilaksanakan mengikut jadual. Dalam melaksanakan semakan ini, Kerajaan akan terus memastikan keseimbangan antara projek ekonomi dan sosial. Pada sepanjang tahun ini, Kerajaan telah mula mengkaji semula dasar subsidi dan bayaran pindahan bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Bagi memastikan *value for money*, Kerajaan telah memberi penekanan kepada pelaksanaan sistem tender terbuka.

Jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 7.6% kepada RM98,244 juta (2004: 21.4%; RM91,298 juta), seperti *Jadual 3.3*. Sebahagian besar peningkatan perbelanjaan adalah untuk bayaran subsidi yang meliputi 86.9% daripada

jumlah peningkatan perbelanjaan mengurus, kesan kenaikan harga minyak mentah dunia yang mendadak. Kenaikan harga runcit produk petroleum sebanyak 10 sen bagi petrol dan 20 sen bagi diesel, telah dapat mengurangkan subsidi sebanyak satu bilion ringgit. Walaupun harga runcit produk petroleum telah mengalami pelarasan secara beransur-ansur, bayaran subsidi masih lagi tinggi iaitu berada pada paras RM11,833 juta pada 2005 (2004: 116.3%; RM5,796 juta), iaitu peningkatan sebanyak 104.2%.

Bayaran emolumen dijangka menurun 2.7% atau RM642 juta, seperti *Jadual 3.3*. Lebih separuh daripada emolumen adalah untuk bayaran gaji guru, doktor dan jururawat di mana syarat dan terma perkhidmatan telah ditambah baik berikutan pemberian insentif dan kenaikan elaun. Bayaran pencen dan ganjaran pula dijangka kekal pada paras yang sama seperti tahun lepas iaitu sekitar RM6 bilion.

JADUAL 3.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek 2004-2006

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Emolumen	23,779	23,137	23,587	9.5	-2.7	1.9	26.0	23.6	23.3
Bayaran khidmat hutang	10,920	13,300	12,726	3.5	21.8	-4.3	12.0	13.5	12.6
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2,895	3,089	2,651	36.2	6.7	-14.2	3.2	3.1	2.6
Pencen dan ganjaran	6,060	6,227	6,633	3.2	2.8	6.5	6.6	6.3	6.6
Bekalan dan perkhidmatan	16,633	19,286	20,554	19.1	16.0	6.6	18.2	19.6	20.3
Subsidi	5,796	11,833	11,022	116.3	104.2	-6.9	6.3	12.0	10.9
Pemberian kepada badan-badan berkanun ³	6,653	8,212	8,611	-2.8	23.4	4.9	7.3	8.4	8.5
Bayaran balik dan hapus kira ⁴	5,023	322	357	89.0	-93.6	10.9	5.5	0.3	0.4
Lain-lain	13,539	12,838	15,105	53.6	-5.2	17.7	14.8	13.1	14.9
Jumlah	91,298	98,244	101,246	21.4	7.6	3.1	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	20.3	20.2	19.1						

¹ Anggaran disemak.


² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2006.

³ Termasuk emolumen.

⁴ Sebahagian besarnya adalah bayaran balik cukai di mana bermula 2005, ia telah diambil kira dalam anggaran hasil.

CARTA 3.4

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan




Bayaran untuk bekalan dan perkhidmatan yang merupakan komponen kedua terbesar, dijangka meningkat 16% kepada RM19,286 juta, terutamanya untuk penyenggaraan dan membaik pulih, sewaan dan bayaran perkhidmatan profesional. Bayaran khidmat hutang, walaupun dianggarkan lebih tinggi sebanyak RM13,300 juta, masih dikawal pada paras 13.5% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus (2004: 12%). Daripada jumlah bayaran khidmat hutang, sebanyak 86.6% adalah untuk hutang domestik.

Perbelanjaan pembangunan pada 2005 dijangka meningkat 5.7% kepada RM30,511 juta, seperti *Jadual 3.4*. Kecekapan perbelanjaan akan terus ditingkatkan, termasuk melaksanakan analisis kos faedah bagi memastikan pulangan maksimum dari segi sosial dan ekonomi. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah untuk projek infrastruktur termasuk projek jalan, jambatan dan bekalan air di luar bandar. Kesemua projek ini dijangka dapat menyokong

CARTA 3.5

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor



dan menjana semula sektor pertanian yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang ketiga pertumbuhan ekonomi, di samping dapat meningkatkan lagi tahap pendapatan penduduk luar bandar.

Jumlah perbelanjaan untuk sektor **ekonomi** dianggarkan sebanyak RM14,097 juta, mewakili 46.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada 2005 (2004: RM11,851 juta; 41.1%). Subsektor pengangkutan merangkumi bahagian terbesar iaitu 24.4%, terutamanya untuk pembinaan, penaiktarafan dan pembaikan jalan, jambatan dan landasan seperti jalan Oya-Mukah-Balingian, jalan Muar-Melaka-Alor Gajah-Simpang Ampat dan projek landasan berkembar Rawang-Ipoh. Projek infrastruktur lain termasuk mengeruk dan mendalamkan pelabuhan di Tanjung Pelepas serta pelabuhan di Sabah dan Sarawak, pembinaan dan penaiktarafan lapangan terbang di Kuching, Miri, dan Sibu dan juga terminal baru untuk pengangkutan tambang

JADUAL 3.4

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor
2004-2006**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Perkhidmatan ekonomi	11,851	14,097	14,395	-14.0	19.0	2.1	41.1	46.2	43.0
antara:									
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,881	2,537	3,681	77.8	-11.9	45.1	10.0	8.3	11.0
Perdagangan dan perindustrian	1,201	1,743	2,884	-65.2	45.1	65.5	4.2	5.7	8.6
Pengangkutan	6,630	7,442	5,439	-9.8	12.2	-26.9	23.0	24.4	16.2
Perkhidmatan sosial	10,260	8,422	9,951	-42.1	-17.9	18.2	35.5	27.6	29.7
antara:									
Pendidikan dan latihan	4,316	3,424	5,025	-57.7	-20.7	46.8	15.0	11.2	15.0
Kesihatan	2,352	1,204	1,297	-12.3	-48.8	7.7	8.1	3.9	3.9
Perumahan	1,593	1,729	1,895	-17.4	8.5	9.6	5.5	5.7	5.7
Keselamatan	4,133	4,782	5,599	-31.4	15.7	17.1	14.3	15.7	16.7
Pentadbiran am	2,620	3,210	3,556	43.6	22.5	10.8	9.1	10.5	10.6
Jumlah	28,864	30,511	33,502	-26.7	5.7	9.8	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	6.4	6.3	6.3						

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet.

murah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perbelanjaan utiliti awam pula dijangka meningkat ketara sebanyak 103.5% kepada RM1,924 juta (2004: 2.7%; RM945 juta) sejajar dengan usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar dengan meningkatkan lagi kemudahan awam di luar bandar seperti bekalan elektrik dan air serta telekomunikasi. Bagi subsektor perdagangan dan industri, sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk pembangunan projek perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pelancongan. Sebagai langkah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan yang mencukupi bagi PKS, sebanyak RM190 juta disalurkan untuk menambah saiz dana PKS dan skim jaminan kredit, khususnya Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) dan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK). Bagi

sektor pelancongan pula, keutamaan diberi bagi mempromosi dan membangunkan produk pelancongan baru serta menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada. Sebagai usaha untuk meningkatkan pertumbuhan industri bioteknologi, sebanyak RM212 juta diperuntukkan kepada Direktorat Bioteknologi Negara (BIOTEK).

Perbelanjaan untuk sektor **perkhidmatan sosial** yang berjumlah RM8,422 juta merupakan komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan untuk pendidikan dijangka lebih rendah iaitu RM3,424 juta pada 2005 berbanding tahun lepas, berikutan kebanyakan projek pendidikan telah disiapkan pada awal tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Sejumlah RM1,204 juta dibelanjakan bagi menaik taraf hospital dan klinik serta membeli peralatan perubatan selaras dengan penekanan Kerajaan untuk menyediakan sistem

perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Pembinaan lima hospital dan 13 klinik dijangka siap dan akan sedia beroperasi pada 2005. Lima hospital berkenaan adalah di Temerloh, Sungai Buloh, Cameron Highlands, Jasin dan Jempol. Di samping itu, penaiktarafan Hospital Alor Star dan Hospital Tengku Ampuan Aminah di Johor Bahru sedang dilaksanakan. Penaiktarafan 13 klinik telah mempelbagaikan lagi jenis rawatan yang terdapat di klinik tersebut dan dengan itu dapat meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kesihatan kepada penduduk luar bandar. Perbelanjaan perumahan masih penting dengan peruntukan sebanyak RM1,729 juta dianggarkan dibelanja pada 2005, di mana RM687 juta adalah untuk perumahan anggota polis dan tentera sementara bakinya untuk pelbagai program seperti Perumahan Rakyat dan Perumahan Rakyat Bersepadu, perumahan kerajaan dan projek perumahan kos rendah yang lain.

Perbelanjaan **pentadbiran am** dijangka berjumlah RM3,210 juta bagi menambahbaikkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan serta persekitaran kerja dan penyediaan perkhidmatan. Sebahagian besar perbelanjaan ini termasuk pembelian peralatan ICT untuk pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah projek aplikasi elektronik Kerajaan (e-Government) seperti e-perolehan, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), e-perkhidmatan, Sistem Pemantauan Projek (PMS) serta Modul Perakaunan dan Kewangan Jabatan Akauntan Negara (EG-AG), yang sedang dilaksanakan secara berperingkat. Pertahanan negara dan keselamatan awam terus diberi perhatian dan kekal menjadi keutamaan kepada Kerajaan. Sehubungan itu, perbelanjaan untuk sektor **keselamatan** yang berjumlah RM4,782 juta adalah sebahagian besarnya untuk menaik taraf peralatan ketenteraan dan peralatan pengawasan, di samping mempertingkatkan tahap kemahiran anggota keselamatan.

Pembiayaan

Menggunakan sumber pembiayaan domestik...

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan pada 2005 adalah lebih kecil berjumlah RM40,950 juta, berbanding RM46,986 juta pada 2004, seperti

Jadual 3.5. Dana yang diperoleh adalah untuk membiayai defisit serta penebusan hutang sedia ada. Sebagai langkah berhemat, Kerajaan akan memastikan jumlah hasil melebihi perbelanjaan mengurus. Oleh itu, pinjaman Kerajaan adalah hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.

Berikutan lebihan kecairan dalam sistem domestik, sebahagian besar pembiayaan diperoleh daripada sumber domestik. Sumber pembiayaan terbesar adalah daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM34,500 juta. Pada 2005, 13 terbitan SKM diperoleh melalui tender terbuka (RM25,500 juta) dan tawaran persendirian (RM9,000 juta). Daripada jumlah terbitan SKM, Kerajaan juga membuka semula sembilan terbitan SKM berjumlah RM22,500 juta bagi menambah saiz setiap terbitan sedia ada

JADUAL 3.5


Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2004-2005

	RM juta		Bahagian (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Pinjaman kasar	46,986	40,950	100.0	100.0
Dalam negeri	45,850	39,500	97.6	96.5
Terbitan Pelaburan	4,100	5,000	8.7	12.2
Sekuriti Kerajaan	41,750	34,500	88.9	84.2
Luar negara	1,136	1,450	2.4	3.5
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	1,136	1,450	2.4	3.5
Bayaran balik	21,215	23,396	100.0	100.0
Dalam negeri	20,200	18,800	95.2	80.4
Luar negara	1,015	4,596	4.8	19.6
Pinjaman bersih	25,771	17,554		
Dalam negeri	25,650	20,700		
Luar negara	121	-3,146		
Perubahan aset	-6,352	1,130		
Jumlah	19,419	18,684		

¹ Anggaran.

CARTA 3.6

Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah ke atas Hutang Kerajaan Persekutuan



yang dapat meningkatkan kecairan pasaran bon. Kerajaan juga menerbitkan dua Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) baru berjumlah RM5,000 juta. Terbitan sekuriti Kerajaan yang kerap dapat menyediakan keluk hasil penanda aras untuk menggalakkan lagi pembangunan pasaran bon ringgit.

Profil hutang Malaysia adalah seimbang dengan 69.6% SKM merangkumi tempoh kematangan lima tahun atau lebih. Tempoh kematangan SKM yang lebih panjang mengurangkan risiko dan memberi kestabilan kewangan. Sepanjang tahun ini, SKM dengan tempoh kematangan lima dan sepuluh tahun diterbitkan pada kadar kupon antara 3.6% hingga 4.8% setahun. Kadar SKM yang diterbitkan pada 2004 dengan tempoh kematangan yang sama adalah antara 4% hingga 5.1%.

Kerajaan juga telah melaksanakan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangannya sebagai instrumen pembiayaan baru untuk memperoleh

sumber kewangan dalam pasaran modal melalui penerbitan Sekuriti Bersandarkan Gadaai Janji Kediaman secara Islam yang berjumlah RM2.05 bilion pada Julai 2005. Selain daripada menyediakan sumber pembiayaan baru, terbitan ini juga dapat membantu meningkatkan lagi kemajuan dan pertumbuhan pasaran bon Malaysia yang lebih kukuh.

Bagi tahun 2005, tiada pinjaman luar yang baru dijangka akan diperoleh melainkan pengeluaran pinjaman projek sedia ada, selaras dengan objektif untuk mengurangkan hutang luar dan meminimumkan pendedahan kepada risiko luaran. Sejumlah RM1,450 juta dianggarkan diperoleh daripada sumber dua hala dan pelbagai hala bagi membiayai projek dan program yang sedang dijalankan seperti pendidikan dan latihan, bekalan air, sistem pembetungan, pembasmian kemiskinan serta dana modal teroka ICT.

Hutang

Tiada pinjaman luar yang baru oleh Kerajaan Persekutuan...

Pengurusan hutang, seperti juga perbelanjaan, mencerminkan pelaksanaan dasar fiskal berhemat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hutang luar negara terus menunjukkan tren menurun daripada RM200,550 juta kepada RM195,760 juta walaupun jumlah hutang keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 10.1% kepada RM238,476 juta (2004: 14.8%; RM216,624 juta). Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sebagai peratusan KDNK pada akhir 2005 dianggar kekal pada 48.9% (akhir 2004: 48.2%), lebih rendah daripada purata 53.3% yang dicatatkan bagi tempoh 1988-2004. Selepas mengambil kira pinjaman luar sektor swasta dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), hutang luar negara sebagai peratusan KDNK dijangka berkurangan kepada 40.2% (akhir 2004: 44.6%).

Peningkatan jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan** sebahagian besarnya disebabkan oleh hutang domestik yang dijangka meningkat kepada RM206,970 juta, mewakili 86.8% daripada keseluruhan hutang pada akhir 2005, seperti *Jadual 3.6*. Dengan tahap hutang luar yang lebih

JADUAL 3.6

**Hutang Kerajaan Persekutuan
2004-2005**

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Hutang dalam negeri	181,970	206,970	84.0	86.8	40.5	42.5
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	2.0	1.8	1.0	0.9
Terbitan Pelaburan	9,100	11,100	4.2	4.7	2.0	2.3
Sekuriti Kerajaan	154,350	173,050	71.3	72.6	34.3	35.5
Tabung Pinjaman Perumahan	14,200	18,500	6.6	7.8	3.2	3.8
Hutang luar	34,654	31,506	16.0	13.2	7.7	6.5
Pinjaman pasaran	24,930	21,257	11.5	8.9	5.5	4.4
Pinjaman projek	9,724	10,249	4.5	4.3	2.2	2.1
Jumlah	216,624	238,476	100.0	100.0	48.2	48.9

¹ Anggaran.

rendah, Kerajaan dapat meminimumkan risiko pendedahan tukaran asing. Hutang luar Kerajaan Persekutuan sebagai peratusan kepada jumlah hutang dijangka berkurangan daripada 16% pada akhir 2004 kepada 13.2% pada akhir 2005. Walau bagaimanapun, nisbah khidmat hutang luar meningkat sedikit kepada 1% (2004: 0.5%), berikutan pembayaran balik hutang yang telah matang. Khidmat hutang masih terurus dan bayaran khidmat hutang sebagai peratusan kepada perbelanjaan mengurus dan hasil masing-masing dijangka kekal pada kadar yang rendah iaitu 13.5% dan 12.6% (2004: 12% dan 11%). Dengan sebahagian besar pinjaman diperoleh pada kadar faedah tetap, pendedahan kepada risiko berhubung kenaikan kadar faedah adalah rendah. Risiko timbunan bayaran balik juga rendah dengan hampir 60% daripada jumlah hutang pada akhir Jun 2005 mempunyai kematangan lebih dari tiga tahun.

Kumpulan wang simpanan dan pencen serta syarikat insurans merupakan pemegang utama SKM pada akhir Jun 2005. Institusi perbankan telah mengurangkan pegangan SKM kepada 11.9% daripada jumlah SKM pada akhir Jun 2005 (akhir 2004: 15%). Bagi TPK pula, pelabur

utama adalah institusi perbankan yang mewakili 49.5% daripada jumlah terkumpul, pada akhir Jun 2005.

Penggunaan sumber pembiayaan tempatan dijangka dapat mengurangkan **hutang luar negara** kepada RM195,760 juta atau 40.2% kepada KDNK, seperti *Jadual 3.7*. Risiko juga dapat dikurangkan berikutan sebahagian besar hutang luar negara adalah berkematangan sederhana dan panjang dengan hutang jangka pendek merangkumi hanya 22.2% daripada jumlah hutang. Daripada jumlah hutang luar negara, komponen Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 16.1%, PABK 30.5% dan sektor swasta 53.4%.

Nisbah hutang luar jangka pendek kepada rizab antarabangsa kekal rendah. Pada akhir Ogos 2005, hutang jangka pendek hanya 14.3% kepada rizab antarabangsa. Nisbah khidmat hutang luar iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport barangan dan perkhidmatan negara juga dijangka kekal rendah pada kadar 5.7%, mencerminkan kekukuhan pendapatan eksport untuk membayar hutang luar negara.

JADUAL 3.7


Hutang Negara 2004-2005

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	156,553	152,276	78.1	77.8	34.8	31.2
Sektor awam	97,679	91,220	48.7	46.6	21.7	18.7
Kerajaan Persekutuan	34,654	31,506	17.3	16.1	7.7	6.5
PABK	63,025	59,714	31.4	30.5	14.0	12.3
Dijamin	19,402	21,982	9.7	11.2	4.3	4.5
Tidak dijamin	43,623	37,732	21.8	19.3	9.7	7.7
Sektor swasta	58,874	61,056	29.4	31.2	13.1	12.5
Hutang jangka pendek	43,997	43,484	21.9	22.2	9.8	8.9
Jumlah	200,550	195,760	100.0	100.0	44.6	40.2

¹ Anggaran.

CARTA 3.7

Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan mengikut Mata Wang

¹ Anggaran.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri terkawal...

Kedudukan kewangan 13 kerajaan negeri disatukan dijangka mengalami defisit keseluruhan yang kecil pada 2005 selepas mencatat lebihan pada 2004, berikutan peningkatan perbelanjaan, seperti *Jadual 3.8*. Defisit keseluruhan ini dibiayai oleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Akaun semasa dijangka mencatatkan lebihan yang lebih besar dengan peningkatan sebanyak 14.6% berikutan prestasi hasil yang lebih baik. Jumlah hasil dijangka meningkat 16.1% kepada RM11,606 juta pada tahun ini dengan 73% daripada hasil diperoleh daripada sumber negeri, manakala selebihnya adalah geran Kerajaan Persekutuan. Royalti petroleum dan perhutanan, premium dan cukai tanah serta keuntungan dan dividen daripada pelaburan, kesemuanya menyumbang 58.2% kepada sumber hasil negeri. Yuran daripada lesen dan permit, sewaan serta jualan barangan dan perkhidmatan menyumbang

kepada lain-lain sumber hasil negeri. Bagi meningkatkan kutipan hasil, kerajaan negeri akan mengenal pasti dan mengambil langkah baru, dengan memberi tumpuan kepada tunggakan cukai taksiran dan bayaran tertunggak serta menyemak semula dan memperkenalkan kadar baru cukai ke atas cukai hutan, air, sewaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Selaras dengan usaha mempertingkatkan lagi perkhidmatan dan kemudahan awam, kerajaan negeri dijangka menanggung perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih besar. Usaha ini termasuk penyenggaraan jalan, jambatan dan jeti; penambahbaikan bekalan air; penaiktarafan sistem saliran dan perparitan; pelaksanaan projek tebatan banjir; pembinaan rumah kos rendah dan pembangunan kawasan perindustrian, taman teknologi-agro, kawasan industri makanan, ladang ternakan serta menaik

taraf perpustakaan awam. Emolumen serta bekalan dan perkhidmatan mewakili 64.2% daripada jumlah perbelanjaan mengurus manakala bakinya termasuk pembelian aset serta pindahan kepada kerajaan tempatan dan badan berkanun. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, sebahagian besar dibelanjakan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar, kemudahan awam serta pembinaan jalan luar bandar.

Sektor Kerajaan

Kedudukan kewangan sektor kerajaan bertambah baik...

Kedudukan kewangan sektor kerajaan, yang merangkumi akaun Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun yang disatukan selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih antara entiti-entiti tersebut, dijangka menunjukkan defisit sebanyak RM17,333 juta atau 3.6% KDNK, seperti *Jadual 3.9*. Defisit ini adalah lebih rendah daripada defisit Kerajaan Persekutuan iaitu RM18,684 juta atau 3.8% KDNK disebabkan sebahagian pindahan Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan tidak dibelanjakan sepenuhnya.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

PABK mencatat prestasi kewangan yang kukuh...

PABK sebagai satu kumpulan terus menunjukkan prestasi yang baik, mencatatkan pendapatan tertangguh dan lebihan keseluruhan yang kukuh pada tahun semasa berjumlah RM100,212 juta dan RM60,810 juta, seperti *Jadual 3.10*. Hasil keseluruhan meningkat sebanyak 8.7% kepada RM234,701 juta (2004: RM215,858 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM), berikutan harga minyak mentah yang lebih tinggi serta peningkatan permintaan terhadap penggunaan elektrik dan perkhidmatan telekomunikasi.

JADUAL 3.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2004-2005

	RM juta		Perubahan (%)	
	2004	2005 ¹	2004	2005 ¹
Akaun semasa				
Hasil	9,995	11,606	17.0	16.1
Perbelanjaan mengurus	5,612	6,584	5.7	17.3
Baki akaun semasa	4,383	5,022	35.5	14.6
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	3,826	5,205	-12.3	36.0
Kumpulan wang pembangunan	3,521	4,776	-11.3	35.6
Kumpulan wang bekalan air	305	429	-22.4	40.7
Terimaan balik pinjaman	182	15	-66.6	-91.8
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,644	5,190	-4.5	42.4
Baki keseluruhan	739	-168		
% kepada KDNK	0.2	-		

¹ Anggaran disemak.

JADUAL 3.9

**Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan
2004-2006**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Akaun semasa						
Hasil	116,328	122,663	135,305	8.7	5.4	10.3
Perbelanjaan mengurus	101,649	108,475	112,471	20.8	6.7	3.7
Baki akaun semasa	14,679	14,188	22,834	-35.9	-3.3	60.9
Perbelanjaan pembangunan	31,992	31,521	39,437	-27.1	-1.5	25.1
Baki keseluruhan	-17,313	-17,333	-16,603	-17.4	0.1	-4.2
% kepada KDNK	-3.9	-3.6	-3.1			

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2006.

Sementara itu, perbelanjaan mengurus dijangka meningkat hanya sebanyak 0.5%. Perbelanjaan pembangunan pula meningkat 60%, berikutan pelaburan strategik khususnya di luar negara selaras dengan langkah memperkenalkan PABK di pasaran global.

PETRONAS terus menunjukkan prestasi baik berikutan harga minyak mentah yang tinggi di mana pendapatannya telah meningkat dengan ketara. PETRONAS juga meluaskan pelaburan bagi kedua-dua aktiviti hiliran dan huluannya di dalam dan luar negara seperti di Pakistan dan Sudan. Pelaburan di luar negara termasuk usaha sama dengan beberapa syarikat antarabangsa di Pakistan untuk meneroka dan mengeluarkan gas serta membangunkan loji memproses gas di Ghotki, daerah Sindh Pakistan. Selain itu, syarikat juga telah memeterai perjanjian jual beli bagi membekalkan gas asli cecair (LNG) ke Korea dan Jepun pada tahun ini. Projek lain yang dilaksanakan termasuklah pembinaan stesen servis kenderaan gas asli (NGV) yang baru, projek MLNG2 *debottlenecking* serta penaiktarafan dan pengubahsuaian kapal oleh MISC Berhad. Oleh itu, perbelanjaan yang lebih besar diperlukan bagi memenuhi semua aktiviti pelaburan tersebut.

Bagi TM, peningkatan hasil disebabkan sebahagian besarnya oleh pertumbuhan operasi selular, jalur lebar dan multimedia serta prestasi operasi luar negara yang lebih baik. Tambahan pula, dengan pelancaran Celcom 3G baru-baru

JADUAL 3.10

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
2004-2005**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2004	2005 ²	2004	2005 ²
Hasil	215,858	234,701	38.5	8.7
Perbelanjaan semasa	133,843	134,489	34.6	0.5
Pendapatan tertanggung	82,015	100,212	45.3	22.2
% kepada KDNK	18.2	20.6	27.7	12.7
Perbelanjaan pembangunan	24,633	39,402	-38.7	60.0
Baki keseluruhan	57,382	60,810	252.5	6.0
% kepada KDNK	12.8	12.5		

¹ Merujuk kepada 30 PABK.² Anggaran disemak.

ini, tren hasil yang positif dijangka berterusan. TM juga telah memperluaskan operasinya ke peringkat global melalui pembelian ekuiti di beberapa negara seperti Ghana, Indonesia dan Pakistan sepanjang tahun ini. Sebahagian besar perbelanjaan modal ditumpukan kepada pembangunan dan pemodenan infrastruktur telekomunikasi serta mempertingkatkan rangkaian tempatan dan antarabangsa. Projek utama yang baru dilaksanakan, termasuk *Asia Pacific Cable Network 2* dan *Internet Protocol Digital Subscriber Line Access Multiplexcer* (IP DSLAM).

Peningkatan hasil yang lebih baik bagi TNB pula adalah berikutan daripada permintaan yang lebih tinggi terhadap bekalan elektrik oleh semua sektor utama ekonomi. Selain daripada permintaan domestik yang tinggi, prestasi hasil yang lebih baik juga disumbangkan oleh jualan elektrik kepada Lembaga Penjana Elektrik Thailand (LPET). Walau bagaimanapun, hasil ini diimbangi oleh kos minyak dan bahan mentah yang tinggi.

Perbelanjaan modal pula digunakan untuk projek peningkatan kapasiti seperti Stesen Jana Kuasa Tuanku Jaafar Fasa 2 di Port Dickson, pemuliharaan Stesen Kuasa Paka dan cadangan projek talian penghantaran 132kv di Kota Kinabalu.

Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan lebih kukuh...

Kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat lebih keseluruhan sebanyak RM43,469 juta atau 8.9% KDNK (2004: RM39,838 juta; 8.9% KDNK), seperti *Jadual 3.11*, lebih tinggi daripada anggaran lebih keseluruhan sebanyak 1% KDNK yang diunjurkan pada September 2004. Lebih ini disebabkan oleh sumbangan besar PABK, terutamanya daripada PETRONAS, berikutan kenaikan harga minyak mentah.

JADUAL 3.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2004-2006

	RM juta			Perubahan (%)		
	2004	2005 ¹	2006 ²	2004	2005 ¹	2006 ²
Hasil ³	116,328	122,663	135,305	8.7	5.4	10.3
Perbelanjaan mengurus	101,649	108,475	112,471	20.8	6.7	3.7
Lebihan semasa PABK	81,875	100,120	100,712	47.1	22.3	0.6
Baki semasa sektor awam	96,554	114,308	123,546	22.9	18.4	8.1
Perbelanjaan pembangunan	56,716	70,839	70,362	-31.9	24.9	-0.7
Sektor kerajaan ⁴	32,083	31,437	39,429	-25.7	-2.0	25.4
PABK	24,633	39,402	30,933	-38.7	60.0	-21.5
Baki keseluruhan	39,838	43,469	53,184	-934.8	9.1	22.3
% kepada KDNK	8.9	8.9	10.0			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2006.

³ Tidak termasuk bayaran pindahan di antara sektor kerajaan.

⁴ Perbelanjaan pembangunan berbeza dengan perbelanjaan pembangunan di Jadual 4.9 disebabkan oleh bayaran pindahan dan pinjaman bersih.

Prospek 2006

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh dan bertambah baik pada 2006, berikutan prospek ekonomi yang lebih baik terutamanya peningkatan aktiviti sektor swasta. Dasar fiskal Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan kewangannya. Sehubungan ini, tindakan akan diambil bagi memperkemaskan lagi prosedur percukaian serta mempercepat pentadbiran dan penguatkuasaan cukai untuk meningkatkan kutipan hasil. Sebagai langkah jangka sederhana, semakan semula sistem dan struktur cukai yang sedang dilaksanakan akan digunakan sebagai input bagi pengumuman dasar baru pada hujung tahun hadapan. Kajian berterusan ke atas subsidi akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan di samping menggalakkan kecekapan dan daya saing. Penjimatan yang diperoleh daripada langkah ini akan disalurkan kepada program dan projek yang lebih produktif dan mempunyai kesan berganda yang lebih besar ke atas ekonomi serta program yang dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Bajet 2006 akan memperuntukkan sejumlah RM101,246 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM33,502 juta bagi pembangunan. Peruntukan mengurus yang hanya meningkat 3.1% berbanding 7.6% pada 2005 adalah sebahagian besarnya untuk perbelanjaan tanggungan dan terikat seperti pencen dan ganjaran, bayaran khidmat hutang, emolumen, bekalan dan perkhidmatan, subsidi serta biasiswa. Bagi peruntukan pembangunan pula, sebahagian besarnya akan disalurkan kepada sektor ekonomi dan sosial yang memberi penekanan kepada usaha untuk mengurangkan jurang dan ketidakseimbangan di antara bandar dan luar bandar.

Selaras dengan teras Bajet 2006, peruntukan akan ditumpukan bagi merangsang aktiviti ekonomi, menyediakan persekitaran yang mesra perniagaan, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat serta membangunkan modal insan. Selain itu, penekanan juga diberi ke arah

mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan sektor awam dan menjamin keselamatan negara.

Bagi sektor pertanian, peruntukan yang besar disediakan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran industri ternakan, penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta perikanan. Bagi membantu mempromosi dan memasarkan hasil pertanian Malaysia di pasaran eksport, sebahagian daripada peruntukan akan digunakan untuk mewujudkan Pejabat Konsulat Pertanian. Sebagai permulaan, dua pejabat konsulat akan dibuka di Beijing dan The Hague. Dalam usaha menjadikan pertanian satu sektor yang menarik, tumpuan akan diberi untuk mengekalkan tenaga kerja sedia ada di samping meningkatkan pendapatan daripada kegiatan pertanian. Bagi mengekalkan tenaga kerja sedia ada, penekanan akan diberi untuk menjadikan pertanian lebih menarik dan memberi pulangan yang tinggi melalui pertanian secara komersil. Bagi menambahkan pendapatan pula, peruntukan akan disediakan untuk projek pembangunan keusahawanan, infrastruktur perniagaan dan sokongan pemasaran.

Salah satu usaha untuk menyediakan persekitaran mesra perniagaan bagi menggalakkan aktiviti ekonomi ialah dengan memperbaiki penyampaian perkhidmatan awam secara berterusan yang antaranya termasuk pengkomputeran dan penyediaan perkhidmatan dalam talian oleh agensi Kerajaan. Ini akan melicinkan dan mempercepatkan proses kelulusan serta akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.

Projek dan program untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat akan terus diberi penekanan. Dari segi penjagaan kesihatan, peruntukan yang lebih besar disediakan bagi pengambilan kakitangan kesihatan dan pembelian peralatan perubatan baru untuk meningkatkan tahap perkhidmatan di hospital dan klinik. Bayaran subsidi tetap menjadi sebahagian besar daripada peruntukan Bajet seperti subsidi bagi produk petroleum, subsidi kadar faedah bagi pinjaman pendidikan tinggi, pampasan tol serta subsidi harga dan baja padi. Program sosial yang lain

termasuk pembinaan rumah kos rendah, penyediaan program bantuan makanan berkhasiat, bantuan prasekolah dan baucar tuisyen bagi golongan berpendapatan rendah.

Pembangunan modal insan akan juga diberi penekanan melalui pendidikan dan latihan untuk melahirkan pekerja mahir dan berilmu yang amat penting bagi meningkatkan lagi daya saing negara. Peningkatan peruntukan yang ketara sebanyak 20.5% disediakan untuk membaiki pulih dan menaik taraf institut latihan perindustrian dan institut kemahiran MARA bagi menyediakan latihan yang dapat memenuhi kehendak industri. Selain daripada infrastruktur pendidikan seperti sekolah, peruntukan biasiswa akan meningkat 14.6%. Pembangunan sumber manusia juga meliputi pembangunan *soft skills* seperti kemahiran dalam Bahasa Inggeris, kebolehan untuk berkomunikasi dan memupuk semangat patriotisme, membentuk sikap dan peribadi serta membina keyakinan diri di kalangan generasi muda melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). PLKN ini dijangka melatih 95,000 belia pada 2006 berbanding 85,000 pada 2005.

Semakin Malaysia menjadi negara perindustrian yang maju, keperluan untuk mengurangkan pencemaran dan mempertingkatkan pemuliharaan alam sekitar serta menyediakan pengurusan sisa buangan yang berkesan akan menjadi lebih mendesak. Peruntukan bagi pemuliharaan alam sekitar akan menerima peningkatan 9.3%

manakala peruntukan pengurusan bahan buangan, terutamanya bagi pembinaan dan membaiki pulih sistem pemetungan di seluruh negara serta rawatan pelupusan sisa pepejal akan bertambah sebanyak 27.9%. Peruntukan juga disediakan untuk mengekalkan kebersihan dan kualiti sungai, muara, kawasan pantai dan pulau di Malaysia.

Bagi keperluan keselamatan dalam negeri, peruntukan yang besar akan disalurkan untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan polis dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). APMM telah ditubuhkan pada Julai 2005 untuk menyelaraskan penguatkuasaan dan kawalan yang bersepadu ke atas sumber maritim Malaysia, khususnya di Zon Ekonomi Eksklusif, yang pada masa ini di bawah bidang kuasa pelbagai agensi. Bagi pertahanan pula, peruntukan yang besar akan disediakan untuk meningkatkan keupayaan semua cawangan perkhidmatan pertahanan.

Jumlah peruntukan Bajet 2006 adalah RM134,748 juta dan berdasarkan unjuran peningkatan hasil sebanyak 9.2% atau RM115,561 juta, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dianggarkan bertambah baik dengan defisit keseluruhan menurun kepada RM18,443 juta atau 3.5% KDNK pada 2006, seperti *Jadual 3.1*. Sebaliknya, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatatkan lebihan keseluruhan yang ketara sebanyak RM53,184 juta atau 10% KDNK, seperti *Jadual 3.11*.